

22 NOV 1999

Manifesto-Ramli

MANIFESTO BN SATU FORMULA KEMENANGAN

SUNGAI SIPUT, 22 Nov (Bernama) -- Manifesto Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya umum ke-10 adalah satu formula kemenangan di dalam memastikan BN mengekalkan majoriti dua pertiga, kata Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

BN menggunakan formula itu pada setiap pilihan raya dan ia terbukti berkesan, katanya sebagai mengulas manifesto itu yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi.

Ramli berkata kebebasan demokrasi di negara ini tidak pernah disekat sejak negara mencapai kemerdekaan pada 1957 dan ini menggambarkan hasil kerja gigih kerajaan BN.

Manifesto itu, yang bertemakan "Malaysia Bebas, Sepadu, Maju", akan membantu BN di beberapa kawasan di Perak yang memerlukan usaha keras bagi memastikan kemenangan, katanya kepada pemberita di sini.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, manifesto itu bertujuan memastikan segala usaha pembangunan yang dilakukan selama ini diteruskan agar negara dapat menghadapi cabaran globalisasi.

"Kita wajar pastikan kita bebas daripada cengkaman luar. Globalisasi merupakan aspek penting dalam alaf akan datang," katanya selepas pelancaran Jambatan Sayong oleh Ramli di Kuala Kangsar.

Rafidah berkata negara akan menghadapi cabaran yang sangat serius di masa hadapan dan ini memerlukan kerajaan yang kuat dan berpengalaman.

Rafidah, yang akan mempertahankan kerusi parlimen Kuala Kangsar, berkata tekanan luar yang dihadapi amat kuat dan jika tidak berhati-hati, negara akan jatuh kepada pengaruh kuasa asing.

"Apa yang kita mahu lakukan sekarang adalah memastikan negara yang kuat dan bebas daripada kuasa luar agar generasi akan datang dapat menikmatinya," kata beliau.

-- BERNAMA

AR AKD